



dagangnews.com

Berita Bisnes Anda

(/)



TERKINI (/TERKINI) 02 Apr 2021 06:27 PM



DagangNews.com

KiplePay Pacu Agenda Digital Perak menerusi ciri baru E-Mall

Oleh JOHARDY IBRAHIM
editor@dagangnews.com

SHAH ALAM 2 April - KiplePay, pakar teknologi kewangan Malaysia di bawah syarikat teknologi global Green Packet Berhad hari ini memperkenalkan ciri digital baharu, E-Mall, ke platform e-dagang mereka yang menawarkan kemudahan buat para peniaga di Perak untuk memohon permit melalui fungsi E-Mall dalam aplikasi KiplePay, sekaligus melengkapkan usaha pendigitalan peniaga.

Inisiatif ini adalah kesinambungan daripada jalinan kerjasama mereka bersama Digital Perak yang dimeterai pada Oktober 2020 untuk membawa digitalisasi kepada penduduk di Perak dengan ciri utamanya merupakan platform pembayaran bersepadu yang terdiri daripada KiplePay e-wallet (e-



dompet KiplePay) dan KiplePay Payment Gateway (Gerbang Bayaran KiplePay) yang membolehkan pembayaran tanpa tunai dilakukan untuk transaksi di kedai serta dalam talian bagi kemudahan peniaga dan pelanggan.

Menerusi platform yang mesra pengguna ini, penjaja tidak perlu lagi berhadapan dengan kerumitan pendaftaran secara fizikal dan dapat menikmati kelulusan permit perniagaan dengan cepat dengan tiga langkah mudah, semuanya melalui telefon pintar mereka.

- Cari Majlis Daerah Perak Tengah dalam fungsi E-Mall
- Pilih jenis permit dan hantarkan maklumat yang berkenaan
- Lakukan pembayaran dan terima resit melalui e-mel



Dari kiri, Tuan Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr Hj. Meor Redwan (CEO Digital Perak), YB Khairul Shahril Mohamed (Exco Perak bagi Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia) dan En Muhammad Redza Omar (Pengarah Pembangunan Perniagaan Strategik kiplePay).

Platform pembayaran bersepadu ini turut menyokong para peniaga di bawah program Digital Perak untuk mengakses dan melakukan pembayaran bagi pelbagai perkhidmatan melalui portal web Digital Perak. Perkhidmatan tersebut merangkumi kursus latihan, ruang kerja, makmal komputer dan pejabat melalui Hub Inovasi dan Multimedia (HiM), tempahan aset, penamatan sewaan dan pembayaran saman dengan agensi, majlis perbandaran serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) lain di Perak.

Ketua Pegawai Eksekutif KiplePay Sdn Bhd, Tan Kay Yen berkata bahawa perniagaan di luar bandar utama di Malaysia kian menyedari akan keperluan pendigitalan dan mereka memerlukan sokongan yang bersesuaian untuk membantu dalam perjalanan digitalisasi mereka.



KAY TAN

“KiplePay berusaha menyediakan penyelesaian digital yang berdasarkan keperluan, inovatif dan mudah untuk rakyat Malaysia, walau di mana sahaja mereka berada. Fungsi E-Mall yang diperluas ini adalah tambahan kepada penyelesaian tanpa tunai KiplePay dan merupakan batu loncatan bagi peniaga yang ingin menjadi sebahagian daripada pasaran digital. Terdapat hampir 400,000 perniagaan tempatan di Perak yang akan menerima manfaat daripada penyelesaian ini. Sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif negeri dalam menyediakan ekosistem tanpa tunai di Perak, KiplePay amat berbesar hati dapat bersama dengan perniagaan tempatan untuk memacu usaha pendigitalan mereka demi memastikan teknologi ini akan meningkatkan aksesibiliti, kemudahan dan kualiti hidup rakyat Perak.”

Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Tuan Meor Rezal Fitri bin Dato’ Dr Hj. Meor Redwan berkata, “Kami sentiasa mencari cara untuk menyokong perniagaan tempatan melakukan pendigitalan dan lanjutan kolaborasi bersama KiplePay ini bukan sahaja dapat membantu memudahkan malah mendedahkan mereka terhadap cara baharu dalam pemasaran serta perhubungan pelanggan. Perniagaan di Perak mempunyai banyak potensi, justeru itu dengan adanya penyelesaian baharu ini, mereka tidak hanya kekal relevan tetapi juga berdaya saing. Kami mengimpikan sebuah komuniti perniagaan yang sofistikated dan celik digital di Perak dengan memberikan platform dan peluang kepada mereka untuk memaksimumkan potensi pendapatan sebagai sebuah perniagaan.”

kiplePay

a greenpacket[™] company



Peniaga yang berminat untuk mendaftar boleh memulakan langkah mereka dalam talian dengan memuat turun aplikasi KiplePay melalui Google Play Store atau Apple App Store dan mendaftarkan perniagaan mereka. Maklumat lanjut disediakan di laman web untuk kemudahan rujukan. - **DagangNews.com** (dagangnews.com)



dagangnews.com
Berita Bisnes Anda

Layari kami terus di [DagangNews.com](https://www.dagangnews.com/) (<https://www.dagangnews.com/>).

SYARAT & TERMA PENGHANTARAN ARTIKEL KLIK DI SINI



YANG HANGAT SEKARANG !

Peranan Malaysia dalam ASEAN diiktiraf IMF, dorong pertumbuhan ekonomi serantau - Amir Hamzah
(/article/terkini/peranan-malaysia-dalam-asean-diiktiraf-imf-dorong-pertumbuhan-ekonomi-serantau-amir-hamzah-60003)

APAD diarah buka siasatan ke atas MAHB berikutan kekerapan aerotrain rosak - Menteri Pengangkutan
(/article/terkini/apad-diarah-buka-siasatan-ke-atas-mahb-berikutan-kekerapan-aerotrain-rosak-menteri-pengangkutan-60002)

TERKINI (/TERKINI) - 28 Oct 2025 04:03 PM

PGF Capital kekal berdaya saing, prospek kukuh disokong pelaburan BYD, kilang baharu di Kulim East - TA Securities
(/article/terkini/pgf-capital-kekal-berdaya-saing-prospek-kukuh-disokong-pelaburan-byd-kilang-baharu-di-kulim-east-ta-securities-60001)

TERKINI (/TERKINI) - 28 Oct 2025 03:56 PM

Geohan meterai perjanjian taja jamin dengan Alliance Islamic Bank bagi IPO di Pasaran Utama
(/article/terkini/geohan-meterai-perjanjian-taja-jamin-dengan-alliance-islamic-bank-bagi-ipo-di-pasaran-utama-60000)

TERKINI (/TERKINI) - 28 Oct 2025 03:33 PM

Kajian rangka tindakan JS-SEZ dijangka siap suku pertama 2026, Parlimen diberitahu
(/article/terkini/kajian-rangka-tindakan-js-sez-dijangka-siap-suku-pertama-2026-parlimen-diberitahu-59999)

TERKINI (/TERKINI) - 28 Oct 2025 03:26 PM

Keuntungan bersih Nestlé Malaysia meningkat kepada RM114.04 juta bagi 3QFY2025
(/article/terkini/keuntungan-bersih-nestle-malaysia-meningkat-kepada-rm11404-juta-bagi-3qfy2025-59998)

LINK

- Pilihan Editor (pilihan-editor)
- Terkini (/terkini)
- Video (/video)
- Merrepek (/merrepek)
- Kolumnis (/kolumnis)
- Parafrasa (/parafrasa)
- Sukan (/sukan)
- English (/en-my)

CONTACT INFO



Berita Bisnes Anda

- 🏠 Dagang News Sdn Bhd 06-06, Pusat Perdagangan, Plaza Azalea, 10, Persiaran Bandar Raya, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor
- ✉ editor@dagangnews.com (mailto:editor@dagangnews.com)

DagangNews.com (<https://dagangnews.com>) is a proud member of



 (<https://www.facebook.com/DagangNews>)  (<https://twitter.com/DagangNews>)

 (https://www.instagram.com/dagangnews_portal)

 (<https://www.tiktok.com/@dagangnews>)

 (<https://www.youtube.com/@DagangnewsVideo>)

icons by icons8.com (<https://icons8.com>)

© Copyright DagangNews.com (<https://dagangnews.com>) 2025. All Rights Reserved.